

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENGANUGERAHAN
SYARIKAT DAN KOPERASI TERBAIK TAHUN 2015**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA**

**23 OGOS 2016 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 11.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamua'laikum dan Salam Sejahtera,

YB Datuk Haji Ahmad Jazlan Bin Yaakub,
Timbalan Menteri II
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman,
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin,
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan),

Yang Berbahagia Dato' Ibrahim bin Ahmad,
Ketua Pengarah MARA,

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Najib bin Samad Ketua Pengarah RISDA,

Yang Berusaha Encik Zulkarnain bin Md Eusope
Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad,

Pengurus Besar KEDA, KESEDAR, KETENGAH dan, KEJORA

Pengerusi-pengerusi syarikat,
Ketua Pegawai Eksekutif,

Pengerusi-pengerusi dan pengurus-pengurus koperasi

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
Yang saya hormati sekalian.

A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah....Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah izin-Nya, maka dapat kita sama-sama berada dalam satu majlis yang pada saya amat besar maknanya bagi kita semua di KKLW.

2. Tujuan majlis penganugerahan ini dibuat adalah untuk memberi pengiktirafan kepada syarikat dan koperasi yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang serta memberi perangsang kepada yang lain untuk lebih berusaha dan maju pada tahun yang mendatang.

3. Sepanjang Tahun 2015, pelbagai rintangan dan cabaran telah kita semua lalui. Terutamanya:

- i) ketidaktentuan ekonomi global,
- ii) kejatuhan harga minyak dan komoditi,
- iii) kejatuhan nilai matawang Ringgit berbanding nilai matawang utama dunia dan sebagainya.

4. Semua cabaran ini sama ada di dalam jangkaan kita, lebih-lebih lagi yang di luar daripada jangkaan kita telah menjadi ujian sejauh mana ketahanan yang kita ada dalam mengemudikan syarikat-syarikat mahupun koperasi-koperasi kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

B) PRESTASI ANAK SYARIKAT 2015

5. Kementerian sentiasa menitik beratkan aspek pemantauan dari semasa ke semasa dan akan memastikan perjalanan anak syarikat milik agensi berada di landasan yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Kementerian bersama-sama dengan Pengurusan Tertinggi berkaitan anak syarikat telah menetapkan sasaran KPI yang perlu dicapai.

6. Pencapaian KPI bukan lagi jangkaan atau unjuran, tetapi telah menjadi suatu realiti yang mesti kita budayakan. Dalam mana-mana perniagaan, untung rugi adalah elemen utama yang paling dititikberatkan untuk menentukan prestasi sesebuah entiti perniagaan.

7. Sepanjang tahun 2015, sejumlah 75 buah syarikat telah dinilai berbanding 71 buah syarikat pada tahun 2014. Aspek KPI yang dinilai meliputi prestasi kewangan, pencapaian fizikal, tadbir urus korporat yang baik, inovasi yang dilaksanakan dan pelaksanaan tanggungjawab sosial (CSR).

8. Dari penilaian tersebut didapati bahawa 60 syarikat atau 80% yang mencatat keuntungan berbanding 66 syarikat atau 93% pada tahun 2014. Walaubagaimanapun, jika dilihat kepada prestasi kewangan pula secara keseluruhannya, kita dapati jumlah perolehan semua syarikat yang dinilai meningkat 9.09% iaitu daripada RM3.394 bilion pada 2014 menjadi RM3.703 bilion pada 2015.

9. Penilaian tersebut menunjukkan sektor perladangan mencatatkan perolehan yang tertinggi iaitu RM959.3 juta dengan keuntungan sebanyak RM37 juta dan diikuti bidang pendidikan sebanyak RM816 juta dan keuntungan RM27.7 juta. Sektor-sektor seperti perkhidmatan, perkilangan dan pelancongan desa juga turut menyumbang RM305 juta dengan keuntungan sebanyak RM14.4 juta.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Sungguhpun Anak-anak Syarikat memperolehi keuntungan daripada aktiviti perniagaan mereka tidak lupa untuk menzahirkan tanggungjawab sosial kepada masyarakat luar bandar. Pada tahun 2015, sejumlah RM27.5 juta telah disumbangkan bagi tujuan CSR melalui bantuan pendidikan persekolahan, bencana alam, sumbangan kepada anak yatim dan sebagainya.

11. Selain daripada sumbangan tersebut, sebanyak RM55.2 juta dividen telah dibayar kepada agensi atau *shareholders*. Dividen ini membolehkan agensi melaksanakan beberapa fungsi dan obligasi tertentu terhadap kumpulan sasar dan ini mengurangkan kebergantungan kepada dana Kerajaan.

12. Berdasarkan pemerhatian Kementerian ini, didapati 90% anak syarikat telah beroperasi lebih daripada 5 tahun dan telah menunjukkan kestabilan dan kemantapan baik dari segi tadbir urus, perancangan perniagaan, daya tahan mahupun daya saing. Namun demikian, masih terdapat anak syarikat yang masih bergelut untuk melepasi *break-even* dalam menguruskan perniagaan.

13. Banyak pengalaman baru yang kita perolehi daripada apa yang telah kita lalui pada tahun 2015. Saya menjangkakan suasana ekonomi pada tahun ini pun tidak kurang sukarnya buat kita semua. Saya berpandangan kita perlu menilai dan membina kekuatan sumber yang dimiliki secara bersama. KKLW sebenarnya telah pun dilengkapi dari segi ekosistemnya seperti:

- i) modal insan;

- ii) keluasan liputan perkhidmatannya;
- iii) sumber ladang dan syarikatnya yang boleh digembeleng bersama dalam bentuk *sharing resources*; dan
- iv) kepelbagaian sektor perniagaan yang diceburi.

14. Kelebihan yang dimiliki ini, sepatutnya kita terjemahkan menjadi kenyataan. Namun, kita masih bergerak *in-silo* dalam kelompok kecil agensi masing-masing. Dan ini menjadi faktor yang menyumbang kepada kelemahan, ketidakcekapan dan pengurangan daya saing syarikat dalam menghadapi cabaran masa kini.

Tuan-tuan dan puan-puan ,

15. Pada umumnya, senario ketidaktentuan ekonomi global pada masa kini dijangka akan berterusan hingga ke tahun hadapan. Oleh itu, kita perlu menyusun langkah-langkah strategik untuk menghadapi situasi mencabar ini. Kita tiada pilihan selain mengambil pendekatan secara ***bold and radical*** untuk kita kekal kompetitif dalam perniagaan iaitu:

- i) **menutup atau menarik kembali pelaburan** dalam syarikat yang berterusan mencatatkan kerugian;
- ii) **menyelaras semula hala tuju** syarikat dalam bidang yang kita punya kepakaran iaitu dengan memfokuskan kepada 'core business' syarikat;
- iii) **menggabung syarikat** yang beroperasi dalam bidang yang hampir sama. Pendekatan NBOS antara agensi boleh dilaksanakan meliputi peningkatan inovasi, kreativiti dan kolaborasi. Keutamaan diberikan kepada perniagaan yang bercorak ***low cost, high impact and rapid execution***;
- iv) Mempergiat lagi '***downstream activities***' yang akan memberi rantaian nilai yang tinggi kepada produk syarikat; dan
- v) **Meneroka dalam bidang baru** yang berbentuk ***demand driven*** dan berteknologi tinggi seperti rel dan lokomotif, bahan binaan dan otomotif.

16. Cuba kita bayangkan, sekiranya kita bergerak sebagai satu entiti KKLW sahaja, kita akan mempunyai kuasa permintaan yang besar dalam merundingkan tawaran input harga yang terbaik dan menikmati operasi bercorak ekonomi berskala besar.

17. Hasil daripada pulangan ini boleh disalurkan bagi tujuan pembangunan ekonomi dan dinikmati oleh masyarakat luar bandar. Contohnya, kita dapat menawarkan input bahan binaan yang lebih murah dan berkualiti kepada usahawan luar bandar dalam bidang berkaitan pembinaan. Bukan itu sahaja, banyak lagi perubahan dapat kita buat dalam pelbagai sektor seperti perladangan, logistik dan sebagainya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Untuk menjadi kompetitif dan konsisten berprestasi tinggi, *corporate governance* atau **tadbir urus korporat terbaik** mesti diamalkan di semua lapisan dan urusan syarikat. Jabatan Audit Negara telah memberi ingatan bahawa auditan prestasi dan aktiviti akan dibuat ke atas syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan. Semua teguran yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) perlu diberi perhatian serius supaya kita tidak mengulangi dan melakukan kesilapan yang sama dalam organisasi kita pula.

19. Berdasarkan Penilaian di atas, hanya 18 syarikat atau 24% yang mematuhi sepenuhnya KPI tadbir urus korporat. Perkara ini perlu diberikan perhatian serius untuk meningkatkan keyakinan orang awam ke atas pengurusan syarikat. Elemen integriti tidak boleh dikompromi dan diabaikan.

20. Selain daripada itu, pengurusan risiko adalah penting terutamanya dalam membuat *due diligence* dalam penerokaan bidang baru, cadangan usahasama pelaburan dan *environmental scanning* ke atas petunjuk ekonomi. Oleh itu **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** hendaklah diwujudkan bagi mengambilkira kepentingan perkara-perkara di atas.

C) MERANCAKKAN PERANAN KOPERASI

Tuan-tuan dan Puan-puan,

21. Koperasi telah wujud sejak sekian lama dalam masyarakat kita. Ia merupakan peneraju kepada pembangunan ekonomi komuniti setempat mahupun kelompok masyarakat yang lebih luas. Saya difahamkan sebanyak 499 buah koperasi yang sedang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sedang beroperasi di pelbagai peringkat jabatan dan agensi KKLW dengan keahlian melebihi 250 ribu anggota.

22. Pelbagai bidang perniagaan yang diceburi oleh koperasi pada masa kini seperti perniagaan runcit, bekalan dan perkhidmatan telah menjana perolehan RM456.6 juta bagi tahun lalu, dengan nilai aset koperasi berjumlah RM408.2 juta. Namun jumlah tersebut masih boleh dipertingkatkan lagi.

23. Melihat kepada perkembangan ini, saya ingin mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi merancakkan lagi kemajuan koperasi.

- i. Menggabungkan koperasi-koperasi kecil supaya menjadi lebih besar dari segi keupayaannya menggerakkan sektor ekonomi yang mampu memberi pulangan lebih baik kepada ahlinya;
- ii. Menjadikan keahlian koperasi lebih terbuka supaya lebih ramai yang mendapat manfaatnya;
- iii. Agensi/Jabatan mewujudkan kolaborasi strategik di antara KKLW dengan SKM terutama dari segi pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan;
- iv. Memperkenalkan kategori baru pertandingan bagi membolehkan koperasi-koperasi bersaiz kecil dan besar bertanding lebih adil dalam kategori masing-masing; dan
- v. Mengadakan kaedah mentor-mentee dalam memantapkan kecekapan pengurusan koperasi.

D) PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan,

24. Saya penuh yakin dan percaya, setiap daripada syarikat dan koperasi yang bersaing mempunyai kekuatan masing-masing. Dan jika semua kekuatan ini dapat kita gembelengkan dengan baik, syarikat dan koperasi di bawah agensi KKLW akan menjadi contoh buat agensi Kerajaan yang lain.

25. Namun begitu, adat pertandingan, ada yang berjaya dan ada yang kurang bernasib baik. Bagi syarikat dan koperasi yang meraih anugerah terbaik, sekalung tahniah saya ucapkan. Diharapkan agar kejayaan ini menjadi motivasi dan pembakar semangat bagi syarikat serta koperasi yang lain untuk terus memperbaiki kelemahan yang ada supaya dapat mencipta kejayaan pada masa akan datang.

26. Akhir kata, saya mengharapkan agar semua pencapaian yang telah kita capai ini menjadi suatu tanda aras atau *benchmark* yang menjadi sasaran

untuk kita atasi. Semoga syarikat dan koperasi agensi di bawah KKLW akan terus maju dan berjaya.

Sekian, terima kasih.